

Latihan

a) Betulkan kesalahan ***penggunaan kata*** di bawah dengan menulis perkataan yang betul di ruangan disediakan.

1. Ramai ***penghuni*** bermain bola sepak di padang Majlis Daerah Perak Tengah sebagai aktiviti riadah pada waktu petang.

2. Pertandingan itu ***terpisah*** kepada beberapa acara yang dipertandingkan mengikut peringkat umur dan kebolehan peserta.

3. Tarikh ***pertandingan*** Encik Faizal di mahkamah pada minggu hadapan atas kesalahan memandu tanpa cukai jalan.

4. ***Perbicaraan*** antara kumpulan Ipoh dengan kumpulan Manjung bagi merebut Piala Dato' Zainal bin Haji Hisham berakhir dengan keputusan seri.

5. Pada ***jam*** rehat, semua murid tahun 6 Pintar perlu ke kantin sekolah dengan berbaris di luar kelas terlebih dahulu.

6. Ayah membeli **waktu** sempena hari jadi kawannya pada minggu hadapan di Pasar Raya Bilion Seri Iskandar.

7. Pertandingan Karnival Bahasa Melayu Peringkat Daerah Perak tengah telah **ditimbang** oleh juri yang berpengalaman dalam bidang bahasa.

8. Barang yang ingin dibeli oleh Puan Hidayah perlu **diadili** terlebih dahulu untuk mengetahui sukatan dan berat barangan berkenaan.

9. Sebelum **berselerak**, kami semua perlu membersihkan kawasan tapak Perkhemahan Kem Kota Layang-layang Kiri terlebih dahulu sebelum balik.

10. Banyak daun-daun kering **bersurai** di atas tanah sebelum hujan berhenti pada waktu petang itu.